

25/09/2003

Erti perpisahan terhadap Dr Mahathir

Mohd Azlan Jaafar

SEORANG kakitangan pejabat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, secara berseloroh berkata: "Ala dah tinggal kurang 40 hari lagi (sebelum akhir Oktober). Lepas ni tak de la kau telefon bertanyakan Dr Mahathir kat mana."

Di kebanyakan majlis yang dihadiri Dr Mahathir sejak bulan lalu, kata seorang pengawal peribadi Perdana Menteri, lagu Frank Sinatra 'My Way', 'Pahlawanku' dan 'Selamat Tinggal Bungaku' menjadi lagu yang sering dinyanyikan atau dimainkan.

Mungkin selepas pengumuman Perdana Menteri untuk bersara ketika Perhimpunan Agung Umno ke 53 pada Jun tahun lalu, persaraan Dr Mahathir selepas 22 tahun semakin dirasakan. Akhir Oktober hanya tinggal 36 hari lagi.

Media juga tidak terlepas daripada menghitung hari. Dalam setiap sambutan yang dihadiri Perdana Menteri, setiap tulisan atau laporan akhbar mengukuhkan persaraan Dr Mahathir.

'Sambutan Kemerdekaan terakhir', 'Mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa MSC terakhir' dan 'Bajet terakhir yang dibentangkan'. Malah, sebarang acara yang dihidirinya antara sekarang sehingga akhir Oktober akan menjadi yang terakhir kepadanya.

Jika berada di mana-mana majlis yang dihadiri Dr Mahathir, keadaan bertukar menjadi sedih atau 'melancholy' walaupun sebenarnya ia diadakan untuk meraikan kejayaan dan pencapaian beliau selepas 22 tahun. Kebanyakan yang hadir pasti tersentuh terutama apabila lagu 'Pahlawanku' dan 'Selamat Tinggal Bungaku' dimainkan. Semua yang ada pasti cuba melihat reaksi Dr Mahathir sama ada beliau akan turut sebak.

Kehadiran jumlah terbesar ke Perhimpunan Agung Umno ke-54 Jun lalu bukti orang ramai datang untuk melihat kesedihan atau sekurang-kurang sebak di raut muka Perdana Menteri.

Seperti biasa, Dr Mahathir tidak pernah memberikan apa yang dijangkakan orang ramai. Ketika melawat persiapan penyediaan Bajet 2004 di Kementerian Kewangan, Dr Mahathir yang tiba jam 9 malam berkeadaan seperti biasa, melawat dari satu bilik ke satu bilik. Media dan jurugambar menanti seawal jam 8 malam.

Pada sidang akhbar yang berakhir jam 10.15 malam itu, tiada tanda pada raut wajahnya bahawa itu adalah tinjauan bajet terakhir.

Pada jamuan malam dan pelancaran fasa kedua MSC di CyberView Lodge yang dihadiri 33 panel dan wakil IAP, penganjur memainkan rakaman bagaimana PM meyakinkan ahli teknologi maklumat (IT) Barat di Universiti Stanford untuk menjadi penasihat kepada negara kecil dan agak mundur.

Seperti kata seorang wakil IAP, tiada mana-mana pemimpin dunia pernah membawa ketua industri dan gergasi IT untuk duduk semeja dan berbincang mengenai sesuatu projek seperti yang dilakukan Perdana Menteri.

Dalam ucapannya malam itu, Dr Mahathir berkata ketika itu beliau tidak begitu tahu sangat mengenai apakah IT dan semua mengenai lebuh raya maklumat.

"Seperti mana-mana ahli politik yang cerdik, saya berjaya memperdaya mereka," katanya sambil mendapat tepukan dan gelak ketawa anggota IAP yang hadir. Itu adalah majlis makan malam terakhir untuk PM sebagai Pengerusi IAP.

Dengan semua penghargaan, kata-kata manis dan lagu 'Pahlawanku', sukar untuk terbayang kurang empat tahun lalu, orang sama yang akan bersara Oktober ini dipanggil pelbagai nama daripada Mahazalim kepada Mahafiraun, selain buku Shit dan solat hajat yang dilakukan mengharap sesuatu yang buruk menimpanya. Antara mereka yang melaungkan kata-kata ini kini mempunyai kata manis terhadap Dr Mahathir.

Mungkin kata-kata Perdana Menteri mengenai orang Melayu adalah kesimpulan terbaik mengenai kaum itu - 'Melayu mudah lupa.' Mungkin juga manusia hanya mengingat yang elok mengenai seseorang apabila dia hampir di penghujung perjalanan.

Ketika semua menghitung hari sehingga akhir Oktober, ia tidak harus dijadikan majlis perpisahan, sebaliknya sambutan kejayaan seorang pemimpin. Itu sesuatu yang tidak harus kita lupa.